

KATEKESE@RUMAH 2022 #20

"DI MANA HARTA ANDA BERADA,
DI SANA HATI ANDA JUGA"

(Minggu Biasa Ke 19)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



PENGENALAN

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang berkaitan Bacaan Injil untuk Minggu Biasa Ke 19.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Ibubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Minggu Biasa Ke 19.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa di Syurga, Engkau sentiasa memberikan apa yang kami perlukan dan Engkau melindungi kami. Tolonglah kami untuk meletakkan kepercayaan kami kepada-Mu sentiasa. Roh Kudus, Roh Kedamaian, pimpinkami dalam perhimpunan keluarga kami. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari **Lukas 12: 32-48**. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

Masa untuk Renungan dan Perbincangan:

Dalam petikan Injil, Yesus mengingatkan kita sekali lagi untuk berjaga-jaga dan memastikan kita terjaga apabila tuan datang. 'Berjaga' bermakna kita perlu bersedia setiap hari untuk bertindak balas terhadap cara Tuhan bekerja dalam kehidupan kita dan di sekeliling kita.

Yesus juga memberitahu kita untuk tidak takut dan menggalakkan kita untuk tidak bimbang jika keadaan di sekeliling kita kelihatan sukar dan mencabar. Kadang-kadang sebagai orang Kristian kita boleh berasa kecil hati dan juga takut dengan apa yang berlaku di sekeliling kita.

Rasul-rasul pertama juga menghadapi banyak kesukaran dan cabaran. Mereka juga lebih sedikit daripada kita, tetapi mereka menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada kehadiran dan kuasa Yesus dan firman-Nya.

Marilah kita meminta bantuan Yesus untuk tidak terganggu dengan perkara dunia sehingga apabila Yesus datang ke dalam hidup kita, dengan cara dan pada masa yang tidak kita jangka, melalui peristiwa dan orang, Beliau mendapati kita bersedia untuk menyambutnya.

1. Mengimbas kembali sepanjang minggu, sejauh manakah saya sedar akan kehadiran dan kuasa Tuhan dalam hidup saya? Huraikan satu pengalaman apabila anda merasakan kehadiran-Nya yang penuh kasih dan bagaimana perasaan anda?
2. Yesus sering berkata bahawa orang yang bertanggungjawab dan boleh dipercayai dalam perkara kecil yang paling sesuai untuk ditugaskan untuk mengurus perkara yang lebih besar. Sejauh manakah saya bertanggungjawab terhadap perkara yang kelihatan tidak penting dalam kehidupan seharian saya?
3. Yesus memberitahu kita untuk bersedia kerana dia akan kembali pada jam yang tidak kita jangkakan. Sejauh manakah anda bersedia untuk menerima dan menyambut Yesus jika dia kembali hari ini? Apa yang anda akan katakan apabila anda bertemu dengannya?

AKTIVITI-AKTIVITI BERKAITAN


Di bawah terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

Aktiviti #1: Selesaikan Teka Silang Kata.

Harta di Syurga

Karena di mana hartamu berada, di situ juga hatimu berada. **Lukas 12:34**

Berdasarkan Lukas 12:32-34



MELINTANG


- 2. Sejenis serangga serupa kupu-kupu yang merosakkan pakaian.
- 4. Pemberian ikhlas kepada seseorang yang miskin.
- 6. Rumah di mana kita akan hidup kekal bersama Tuhan.
- 7. "Karena di mana hartamu berada, di situ juga ____mu berada."
- 8. Menukar atau menggantikan barangan dengan duit.

MENEGAK


- 1. Barang-barang berharga yang dimiliki seseorang.
- 3. Seseorang yang mengambil hak milik orang lain tanpa kebenaran.
- 5. Berasa gentar

HATI	SEDEKAH	PENCURI	JUAL
GEGAT	HARTA	TAKUT	SYURGA

Aktiviti #2: Cari perkataan-perkataan tersebut.



Aktiviti #3: Cari jalan menuju kepada Yesus.



Aktiviti #4: Cari perkataan.

Harta di Syurga

"Lakukanlah hal itu, kerana perhatian kamu sentiasa tertumpu kepada harta kamu." Lukas 12:34 (NIV)

Berdasarkan Lukas 12:32-34(NIV)

Kerana di mana
hartamu berada,




di situ juga hatimu
berada

D S X O S S P A J S Z N J Z A
S I I A Y Y U E A Z O A F S S
H D K U L G N A N E S A I E A
W U R J S A Y R T C N J K D G
L G D B O L U N U W U A J I G
A Q X A M B P J N W W R O K N
D O M P E T I E G A P E I I A
G P H A R T A N N T U K A T R
I Z F B Q P Y C A A O B T M E
U A E M B R F R X S T I N M S
Q R K F T W F K Y J A I B F M
I Y V A K S J R B R K K D Z Q
G U G U P A E N M S N K A I M
T S M I L I K N I I G N Y N R
E H O G B Y Y M I O P Q T I Z

BAPA	BERI	BINASAKAN	DOMPET	HARTA	JANTUNG	JUAL	KERAJAAN
LUKAS	MILIK	MISKIN	PAKAI	PENAT	PENCURI	SEDIKIT	SEKAWAN
SENANG	SERANGGA	SYURGA	TAKUT				

Aktiviti #5: Bantu Ibrahim serta keluarganya mencari arah ke tanah baru.

PERMULAAN YANG BARU



“Tinggalkan negara anda,” Tuhan memberitahu Ibrahim, “Saya akan memberkati kamu di tanah baru”. Ibrahim menurut kata Tuhan lalu meninggalkan negaranya” (Genesis 12:1-5)

Aktiviti #6: Cari perbezaannya.

IMAN YANG MENYELAMATKAN

Cari 8 perbezaan di antara dua gambar di bawah.



Aktiviti #7: Warnakan gambar.

Perumpamaan Hamba Yang Setia

